

'Pemilihan ikut peraturan parti'

Umno Kedah minta Dr Mahathir buat aduan

Oleh Azmi Md Deros

ALOR STAR: Badan Perhubungan Umno Kedah memper-tahankan perjalanan pemilihan perwakilan bahagian Umno Kubang Pasu kerana ia dijalankan mengikut peraturan parti tanpa sebarang salah laku.

Pengerusinya, Datuk Seri Mahdzir Khalid, berkata badan perhubungan berpuas hati dengan kelancaran mesyuarat dan pemilihan yang berlangsung kerana setakat ini tiada aduan rasmi penyalahgunaan kuasa atau politik wang.

Sehubungan itu, beliau menyifatkan dakwaan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad bahawa wujud rasuah dalam pemilihan itu sebagai tuduhan tidak berasas.

"Beliau (Tun) mendakwa ada kes rasuah... politik wang dan orang luar ramai datang berkempen dan mempengaruhi perwakilan yang mengundi dalam pemilihan itu.

"Kalau Tun membuat laporan kepada Lembaga Disiplin Umno, Jawatankuasa Pengurusan atau Majlis Tertinggi kita boleh siasat dan kalau tidak, kita tidak boleh berbuat apa-apa," katanya ketika ditemui selepas mempengerusikan mesyuarat Exco di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas tindakan yang akan diambil Umno Kedah berikutan dakwaan Dr Mahathir berlaku politik wang dalam pemilihan perwakilan Umno Bahagian Kubang Pasu yang pernah dipimpinya selama 30 tahun.

Mahdzir berkata, tanpa laporan rasmi itu sukar bagi Umno menjalankan siasatan kerana parti itu tidak boleh bertindak berdasarkan dakwaan semata-mata yang tidak disertakan dengan bukti kukuh.

Kelmarin, Perdana Menteri yang juga Presiden parti, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menyifatkan dakwaan Dr Mahathir sebagai tu-

duhan yang amat berat dan mengarahkan Mahdzir serta Ketua Umno bahagian itu, Datuk Mohd Johari Baharum menyiasat dan menghantar laporan kepada Ibu Pejabat Umno.

Dr Mahathir dalam perjumpaan dengan penyokongnya di Yayasan Kepimpinan Perdana di Putrajaya, Isnin lalu, antara lain mendakwa perwakilan bahagian itu diberi sampul surat coklat mengandungi RM200 serta senarai wakil yang patut dipilih.

Bekas Perdana Menteri itu juga berkata, ada ahli di kalangan guru diugut akan ditukarkan ke Sabah bagi memastikan beliau tidak dipilih sebagai perwakilan ke perhimpunan agung Umno, November ini.

Mahdzir yang juga Menteri Besar turut menafikan dakwaan kerajaan negeri menggunakan jenteranya untuk berkempen bagi mempengaruhi perwakilan cawangan supaya tidak memilih Dr Mahathir.

Beliau berkata, jika benar ada usaha mempengaruhi perwakilan, supaya mereka hanya memilih nama yang ada dalam senarai calon itu, anak Dr Mahathir, Datuk Mukhriz tidak akan terpilih sebagai perwakilan.

"Saya berharap isu itu tidak berpanjangan kerana kita ada banyak tanggungjawab perlu dilaksanakan untuk faedah rakyat," katanya.

"Tun kena buktikan dengan membuat aduan rasmi kepada Lembaga Disiplin Umno, Jawatankuasa Pengurusan atau Majlis Tertinggi"

Mahdzir Khalid
Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kedah